

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9

Perpustakaan Desa jadi pusat daftar tambahan PADU

Perpustakaan Desa jadi pusat daftar tambahan PADU

Kuala Lumpur: Sebanyak 60 Perpustakaan Desa (PD) di seluruh negara berperanan sebagai pusat pendaftaran tambahan untuk Pangkalan Data Utama (PADU) bagi memberi kemudahan kepada penduduk di luar bandar.

Ia hasil kerjasama strategik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bagi menambah kaunter fizikal PADU, selain di lebih 900 Pusat Ekonomi Digital (PED), Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sehingga kini, jumlah pengemaskinian profil sosioekonomi oleh individu berdaftar dalam PADU di Malaysia adalah sebanyak 3.43 juta, termasuk warganegara berusia 18 tahun ke atas dan pemastautin tetap.

Dari padanya jumlah itu, seramai 1.2 juta ialah penjawat awam, berdasarkan Status Seseorang Bilangan Pengemaskinan PADU Penjawat Awam.

"Pendaftaran PADU berbaiki 43 hari, yang akan dibuka sehingga 31 Mac 2024. Rakyat Malaysia dinasihatkan supaya tidak melaksanakan pengemaskinian PADU pada saat akhir kerana ia akan mengakibatkan kesesakan pada sistem," katanya dalam kenyataan.

Mohd Uzir berkata, bagi membantu pengemaskinian secara kendiri, orang ramai boleh menghubungi talian hotline 1-800-88-7720/21 yang beroperasi bermula 8 pagi hingga 9 malam setiap hari.

Katanya, sebarang maklum balas, aduan, penghargaan, pertanyaan dan cadangan penambahbaikan berkenaan sistem dan mekanisme pelaksanaan PADU boleh disalurkan kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA).

"Kementerian Ekonomi, DOSM dan Jabatan Digital Negara turut merakamkan settinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang sudah mengemas kini maklumat di PADU.

"Ucapan tahniah juga diucapkan kepada semua penjawat awam yang memberi komitmen dan kerjasama bagi melengkapkan maklumat di PADU," katanya.